

# Pemuda Perak mahu ketua 'orang Anwar'

IPOH, Selasa. — Pemuda UMNO Perak berharap bakal ketua mereka yang akan dilantik Ahad ini merupakan penyokong Encik Anwar Ibrahim, Ketua Pemuda UMNO Malaysia.

Mereka rasa 'kurang senang' jika bakal ketua mereka bukan seorang penyokong Encik Anwar yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Golongan ini berpendapat, ketua yang menyokong Ketua

Pemuda UMNO Malaysia dapat menjalankan tugasnya dengan lebih licin, dibandingkan dengan seorang yang bukan penyokong Encik Anwar.

Mereka juga merasakan Encik Anwar patut mengambil kira betapa pentingnya dilantik seorang ketua pemuda negeri yang mendapat sokongan dari 'orang-orang di bawahnya'.

"Bagaimanapun, terpujang kepada Encik Anwar memilih ketua

pemuda Perak yang sesuai kerana kata putus terletak dalam tangannya, ujar seorang ahli Pemuda UMNO Perak.

## Berbincang

Encik Anwar dijangka akan mengumumkan Ketua Pemuda UMNO Perak di bangunan UMNO di sini jam 2 petang Ahad ini. Beliau akan diiringi oleh Ahli-Ahli Exco Pemuda UMNO Malaysia.

Difahamkan, Encik

Anwar akan juga mengumumkan Naib Ketua dan Setiausaha Pemuda UMNO Perak.

Bagaimanapun, sebelum membuat pengumuman naib ketua dan setiausaha, Encik Anwar dikatakan akan berbincang dengan bakal ketua nama-nama mereka yang dilantik untuk kedua jawatan tersebut.

Memandangkan ini, golongan Pemuda UMNO Perak tersebut berharap, jawatan Ketua dan Setiausaha Pemuda Perak akan diberikan kepada mereka yang menjadi penyokong Encik Anwar.

"Jawatan naib ketua bolehlah diberikan kepada sesiapa," ujar mereka.

Encik Anwar dikatakan mengurus pentadbiran pemudanya menurut 'consensus' dalam hal pemilihan seseorang ketua pemuda negeri, sesiapa saja sama ada penyokong beliau atau tidak boleh dilantik.

Disebabkan ini, pemuda UMNO Perak berharap jawatan ketua dan setiausaha bagi negeri ini akan diberikan kepada seorang penyokong Encik Anwar.

Begitupun, suasana di kalangan Pemuda UMNO Perak kelihatan tenang menjelang pengumuman jawatan ketua tersebut.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia